

AMALAN SYURA DALAM KALANGAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN BERASASKAN KONSEP AMANAH (Shura Practice In Educational Leadership Based On The Concept Of Trust)

* Suhana Abd Hamid¹, Ahmad Marzuki Mohamad¹

¹Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

*Corresponding author's email: hanasahna223@gmail.com

Article History:

Submit: 20 April 2017

Accepted: 7 August 2017

Revised: 31 October 2017

Published: 28 December 2017

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 1, No. 2 (2017), 93-101

Abstrak

Amanah dalam tugas dan tanggungjawab menjadi natijah dalam membentuk keimanan dan meneguhkan jati diri seorang muslim. Selaku pemimpin Pendidikan yang dipertanggungjawab mengendalikan pelbagai tugas hakiki, sudah menjadi keutamaan memegang amanah sebaik-baiknya. Kerangka asas Syura yang dihasilkan dalam kajian ini mampu mencorak serta menjadi panduan meningkatkan potensi amanah dalam setiap kepimpinan pendidikan. Selain itu, dorongan sifat amanah lahir dari keyakinan yang tinggi bahawa tanggungjawab sebagai khalifah yang diamanahkan dan nilai takwa menurut kaca mata Islam yang syumul. Amanah dalam pengurusan kepimpinan pendidikan dilihat lebih memberi makna dengan wujudnya amalan syura dalam kalangan organisasi bagi memastikan pendidikan yang progresif. Maka, kajian ini bertujuan untuk mengkaji potensi amanah dalam kalangan organisasi berdasarkan pelaksanaan amalan syura dalam kepimpinan guru besar. Selain itu, kajian juga bertujuan untuk menggariskan konstruk amanah berpandukan amalan seharian guru-guru. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan menjadikan soal selidik sebagai sumber utama pemerolehan data. Seramai 200 orang guru dari 23 buah sekolah agama bergred A di daerah Johor Bahru telah menjadi responden kajian bagi mendapatkan data berkualiti dan mempunyai kredibiliti sebagaimana cadangan Pegawai Pendidikan Islam Johor Bahru. Analisis statistik kajian ini dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for The Social Science (SPSS) 22.0. Kajian menunjukkan bahawa wujudnya sikap amanah dalam kalangan guru-guru sebagaimana catatan nilai alpha cronbach 0.869 pada skala tinggi. Analisis korelasi (r) dan ujian regresi berganda digunakan bagi menganalisis nilai hubungan yang signifikan (p) terhadap konstruk amanah yang digariskan. Hasil kajian juga mendapati bahawa konstruk amanah (ikutan, muhasabah diri, taat, motivasi, tanggungjawab) mendominasi kepimpinan pendidikan yang mengamalkan syura serta mempunyai hubungan yang signifikan. Kajian merumuskan bahawa sikap amanah menjadi inti pati utama mewujudkan kepimpinan pendidikan yang sempurna seterusnya meningkatkan amalan syura demi mencapai pendidikan yang progresif di sekolah. Amalan syura yang dilaksanakan dalam kalangan guru besar berdasarkan kerangka asas syura melalui sikap amanah berupaya memastikan prestasi cemerlang pendidikan sebagaimana kejayaan dan keunggulan kepimpinan baginda Rasulullah SAW dalam banyak bidang.

Kata Kunci: syura, amanah, progresif, iman

Abstract

Trust in carrying out duties and responsibilities is important in shaping faith and establishing a Muslim identity. The educational leaders who are responsible in handling various official duties need to hold the trust as well as possible. The basic framework of Shura which has been created through this study can shape and become a guidance to enhance the potential of trust in educational leadership. In addition, the encouragement of the trust nature innates from high conviction that responsible as entrusted khalifah and values of piety based on comprehensiveness of Islam. Trust in educational leadership management is more meaningful through the presence of the shura practice in the organisations to ensure a progressive education. Therefore, this study aims to evaluate the potential of trust in organisations based on the implementation of shura practice in leadership among headmasters. In addition, the study also aims to outline the constructs of trust based on the teachers' daily practices. This study was a quantitative research where questionnaire was used as a primary source of data acquisition. A total of 200 teachers from 23 religious grade A religious schools in Johor Babru have become respondents for obtaining quality data and have the credibility as suggested by Johor Babru Islamic Research Officer. This research statistical analyses were analysed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) 22.0. The study shows that there is trust among teachers with the alpha Cronbach value of 0.869. Correlation analysis (r) and multiple regression test were used to

analyze the significant (p) relationship value to the constructed unit trust. The findings also found that the construct of trust (follow-up, self-esteem, obedience, motivation, responsibility) dominated the shura-led educational leadership and had significant relationships. The study concludes that trust is the main principle in creating a perfect educational leadership and thus, improving the Shura practice in order to achieve a progressive education in school. Shura practice implemented among headmasters based on the basic framework of Shura through mutual trust ensures an outstanding performance in education similar to the success of the leadership of Prophet Muhammad SAW in many areas.

Keywords: *shura, trust, progressive, faith*

1.0 PENGENALAN

Amanah membawa erti dapat dipercayai (Ahmad Yaseer, 2012) sering berlaku jujur, memiliki sifat mahmuddah (Solahuddin Ismail, 2010) seterusnya komitmen pada tugas dan tanggungjawab yang diberikan (Dale Carnegie, 2014). Konsep amanah dalam melaksanakan tanggungjawab menjadi intipati amalan syura bagi mewujudkan penghayatan kepimpinan Islam sebagai sebahagian daripada ibadah kepada Allah SWT dengan sifat zuhud dan suci daripada pekerjaan yang dimurkai sebagaimana kisah Nabi Yusuf a.s ketika dijual oleh penjual di pasar “Dan mereka menjual Yusuf dengan harga yang murah, iaitu beberapa dirham saja, dan mereka merasa tidak tertarik hatinya kepada Yusuf” (Yusuf 12:20; Ibn Majah 1975; 4092) selain sentiasa bermuraqabah terhadap Allah SWT (al-‘Alaq 96:14). Pemimpin yang bersifat amanah menunjukkan kesempurnaan iman dengan melaksanakan ikrar dan janji kepada pengikutnya serta menteladani kepimpinan Rasulullah SAW (Riwayat Ahmad 1994: 1) Jelasnya sifat amanah merupakan tunas pembentukan organisasi cemerlang (Solahuddin Ismail, 2010):

A good leadership is the most important element in organization. The organization should be lead by good leaders as these people have the ability to run the organization with the spirit of accountability to fulfill the employee’s expectation. Islam has a perfect way in introducing and producing excellent leaders. The philosophy of good leadership in Islam means one should not only be excellent in the organization but must also excellent in ‘akhirat’. A good Islamic leader should always have the ability in making the organization excellent.

Amanah perlu dipikul atau disandang dengan tanggungjawab sepenuhnya oleh individu yang dilantik sebagai pemimpin (Azhar Ahmad, 2009) Justeru, dalam amalan syura amanah menjadi prinsip kepimpinan Islam bagi menentukan keputusan sesuatu isu yang berlaku dalam sesebuah organisasi di samping asas mewujudkan sifat mahabbah (Asad, 2011). Perbincangan, keterbukaan, saling bertukar pandangan atau perundingan yang dilakukan akan merungkai permasalahan (Arief, 2007) dan kekusutan yang berlaku serta meningkatkan daya saing dalam organisasi (Mohd Yusuf, 2003). Maka setiap tindakan dalam menetapkan objektif, tujuan pelaksanaan, perubahan dasar, dan perkara berkaitan pentadbiran dan pengurusan organisasi seharusnya dibuat melalui amalan syura (Ismail, 2007). Tanpa amalan syura ketetapan yang diambil akan dianggap tidak sah kerana ianya merupakan pendapat peribadi dan bukan keputusan ahli organisasi (Fu’ad, 2006).

Kajian lalu mendapati bahawa amanah dalam amalan syura mendominasi akhlak terpuji dan mencambahkan sifat mahabbah (Siti Arni, 2014) selain mewujudkan kepimpinan Islam sebagaimana menteladani kepimpinan Rasulullah SAW (Lokman dan Mohd Anuar, 2011). Peter Senge, (1990) menegaskan pemimpin perlu berusaha mengendalikan syura secara kolektif berasaskan konsep amanah ketika membuat keputusan, manakala organisasi diberi peluang menyuarakan pandangan dan pendapat. Peluang mengemukakan pandangan dan pendapat dalam urusan pentadbiran sekolah amat penting untuk menghasilkan keputusan yang disepakati (al-Qardhawi, 1999) supaya dapat diterima semaksimumnya oleh semua guru. Natijah persefahaman dan kesatuan pendapat pastinya meningkatkan keselesaan dan persefahaman dalam organisasi demi mengorak kejayaan yang cemerlang dalam bidang pendidikan. Oleh yang demikian, hal ini memerlukan anjakan dan nilai tambah dari aspek pemahaman, penghayatan, dan pelaksanaan dalam kalangan guru besar yang menjurus kepada kewibawaan mereka selaku pemimpin dalam organisasi bagi menghindari perselisihan pendapat yang akan membantutkan pembangunan pendidikan dan suasana persekitaran sekolah yang kondusif.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Pengkaji mengadaptasi teori perubahan sosial Ibn Khaldun (1960) berkaitan keperluan masyarakat terhadap kepimpinan syura yang menjadi kerangka teori kajian ini. Ibn Khaldun (1960) melalui Teori Perubahan Sosial memberi penegasan bahawa masyarakat adalah manusia yang saling membina antara satu sama lain, mengembangkan potensinya bagi perubahan dan mengikut peredaran masa serta menyelaraskannya dengan nilai ajaran Islam dalam hal kemasyarakatan. Ianya dilakukan seiring dengan perancangan pembangunan yang rapi dan tersusun kerana manusia merupakan individu yang mempunyai potensi dan keterbatasan. Perubahan sosial merangkumi keberkesanan kepimpinan sebagai tunggak utama penggerak perubahan tersebut. Kepimpinan organisasi memainkan peranan utama dalam mengukuhkan pembinaan komuniti yang dipimpinnnya menuju kecemerlangan dalam organisasi. Seterusnya, Ibn Khaldun (1960) menegaskan bahawa perkara asas dalam pembentukan masyarakat hanya bermula melalui proses pemantapan ilmu oleh perkembangan minda individu. Ilmu yang diperolehi mempunyai kesinambungan dengan nilai-nilai keagamaan (ad-din) dalam kepimpinan yang unggul.

Justeru, demi membangunkan jati diri dan sendiri masyarakat yang menjiwai Islam semaksimumnya perlulah berasaskan al-Quran dan sunah. Sentiasa beretika dalam kehidupan, dan Bersama menyokong dalam hal amar makruf antara satu sama lain. Para pemimpin menjadi teladan utama sebagai mengaplikasi ilmu yang dapat dimanfaatkan kepada jati diri pengikutnya. Hala tuju sesuatu organisasi bergantung kepada kewibawaan pemimpin. Berdasarkan peringatan yang disebut dalam firman Allah SWT maksudnya: “Sesungguhnya jikalau kitab itu diturunkan kepada kami, tentulah kami lebih mendapat petunjuk dari mereka.” Sesungguhnya telah datang kepada kamu keterangan yang nyata dari Tuhannya, petunjuk dan rahmat. Maka siapakah yang lebih zalim daripada orang yang mendustakan ayat-ayat Allah dan berpaling daripadanya? Kelak Kami akan memberi balasan kepada orang-orang yang berpaling dari ayat-ayat Kami dengan seksaan yang buruk, disebabkan mereka selalu berpaling.”(al-A’raf 7:157). Modal insan yang berkualiti menjana perkembangan intelektual dan melahirkan masyarakat berpengetahuan (Basri, 1997) yang membawa adaptasi sifat amanah selaku kepimpinan pendidikan abad 21, dengan mempelajari kesemua komponen pengajaran dan pembelajaran untuk mencapai kejayaan (Khalid, 2010).

Kepimpinan yang melazimi sifat amanah melengkapkan kepada maksud hadith Rasulullah SAW (Riwayat Ahmad 1994:1649): “Semua makhluk muslim dianggap sebagai pemimpin dan bertanggungjawab kepada mereka yang berada di bawah tanggungjawabnya”. Dalam surah Luqman 31:17 pula menegaskan peranan pemimpin yang dikehendaki-Nya sebagaimana maksud: “..dirikanlah solat dan suruhlah (manusia) mengerjakan yang baik dan cegahlah (mereka) dari perbuatan yang mungkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpa kamu. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong lagi membanggakan diri”. Dalam konteks perubahan dan perkembangan potensi individu, kepimpinan pentadbiran dalam sesebuah organisasi perlu merancang dan menerima perkongsian maklumat, percambahan minda, teguran atau pandangan organisasi yang berteraskan kepada petunjuk agama yang bersesuaian dengan fitrah lahiriah insan sebagai meningkatkan keimanan dan tambah nilai ibadah kepada Allah SWT (Saba’ 34:46). Maka, pengkaji menggunakan teori Perubahan Sosial, Ibn Khaldun (1960) untuk memberi penekanan kepada pentingnya ahli organisasi membina hubungan dan kesefahaman dalam memainkan peranan dan mencapai kecemerlangan kepimpinan di institusi pendidikan seterusnya memastikan peningkatan komitmen kerja dan prestasi pendidikan yang cemerlang.

Pemimpin organisasi sebagai role model kepada pengikut (Ahmad, 2006) yang mengangkat kerjaya sebagai amanah yang perlu ditingkatkan prestasinya dari masa ke semasa agar organisasi tidak ketinggalan atau keciciran menjalani tanggungjawab dan tugas mulia dalam bidang pendidikan. Menurut Charil (*et. al.*, 2010) bahawa guru besar perlu mengingatkan dirinya segala yang dipikulnya sebagai pemimpin adalah amanah yang tidak boleh diabaikan. Namun amanah tersebut termaktub kepada kemahiran masing-masing sebagaimana kisah Abu Zar r.a. katanya: Aku bertanya kepada Rasulullah SAW: Wahai Rasulullah! Tidakkah tuan memberi jawatan apa-apa kepadaku? Maka Rasulullah SAW menepuk bahuku sambil bersabda: *Wahai Abu Zar! Kau seorang yang lemah, dan jawatan itu sebagai amanah yang pada hari kiamat hanya akan menjadi penyesalan dan kebinaan kecuali orang yang dapat menunaikan hak kewajibannya, dan memenuhi tanggungjawabnya* (Muslim 2001:3180). Pemimpin wajar memilih dan menentukan pihak yang sesuai memikul amanah, manakala organisasi bersikap terbuka demi kebaikan semua. Setiap amanah yang diberikan perlu dilaksanakan mengikut landasan yang betul, dengan kata lain tidak mensia-siakan amanah yang diberikan. Setiap individu akan menerima amanah dan tanggungjawab menurut kemampuan masing-masing sebagaimana kehendak dan ketentuan Allah SWT (Saba’ 34:46; Ali Imran 3:100).

Guru besar harus memandang jawatannya secara positif dan bersifat amanah sebagai anugerah Allah SWT mengikut kemampuan dirinya selaku pemimpin berkesan, berkaliber dan dihormati. Sifat

amanah merupakan suatu watak yang sangat bernilai dalam menentukan kecemerlangan organisasi yang bertindak sebagai pengawal dengan pemantauan terhadap pengajaran dan pembelajaran yang mendorong kepada sikap berintegriti dalam pendidikan (Razali, 2010). Nurazmallail dan Azhar (2010), menyebut pengabdian diri hamba terhadap Khaliq yang Maha Berkuasa (القدیر) juga termasuk menjalankan tugas dan amanah dalam konteks kepemimpinan Islam bagi memacu kecemerlangan ummah. Abdullah (2014) pula menyifatkan pemimpin yang amanah sebagai peneraju kepada pembangunan tamadun manusia secara bersepadu (integrated) yang akan melahirkan kelompok manusia berwawasan tinggi membina daya saing melalui organisasi yang dibentuk. Kisah Nabi Yusuf a.s. yang mempunyai pelbagai kemahiran merangkumi bidang kewangan, ekonomi, perancangan, pertanian dan longistik Mesir ditambah kekuatan sikap baginda terhadap sifat amanah dan memiliki ilmu pengetahuan yang mendalam serta cekap dan berpengalaman. Allah SWT menyebut di dalam al-Quran surah al-Qasas 28:26 iaitu bermaksud: Seorang daripada kedua-duanya berkata, “Wahai ayah, ambillah dia sebagai pekerja, sesungguhnya sebaik-baik pekerja adalah yang kuat, lagi amanah”. Sikap amanah menjadi keutamaan dalam memikul tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi ini (al-Qaradhawi, 2014).

2.1 Konsep Amanah

Amanah menjadi asas kesungguhan dan keunggulan peribadi seseorang pemimpin Islam dalam memelihara apa juga yang diamanahkan kepadanya sama ada perintah Allah SWT atau dari orang yang dipimpin (an-Nisa 4:58). Baginda Rasulullah SAW menjelaskan bahawa hamba yang melaksanakan amanah-Nya akan disukai oleh Allah SWT (al-Tabrani 1983:20232). Sementara Ibnu Taimiyah (1971), menyatakan bahawa seseorang pemimpin perlu melaksanakan amanah yang diberikan mengikut ketetapan dan perintah Allah SWT tanpa melakukan kemudaratan sama ada berbuat kezaliman atau tidak berlaku adil. Ketegasan ini disokong oleh Abdullah (2014), yang menyatakan bahawa sikap pemimpin menurut Islam adalah amanah, jujur, adil, bertanggungjawab serta mengambil berat kebajikan ahli organisasi dengan memberi tunjuk ajar dan tiupan semangat serta dorongan kepada mereka dalam meningkatkan jati diri sebagai kemuliaan seorang mukmin. Amanah di dalam melaksanakan urusan kepemimpinan melibatkan sifat adil bagi memperolehi keputusan yang mengutamakan hak dan kepentingan ahli organisasi selain mendokong kebenaran seperti firman Allah SWT dalam surah al-Nahl 16:90 yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan

(al-Nahl 16:90)

Pemimpin yang amanah melahirkan sifat takwa serta taat terhadap perintah Allah SWT yang mendorong keimanan yang kukuh. Perlakuan amanah juga menghampiri keadilan dan kebenaran bagi melestarikan kepemimpinan yang syumul terutama dalam bidang pendidikan yang mapan. Oleh itu, amanah menjadi obligasi dalam kepemimpinan pendidikan bagi memastikan setiap matlamat yang direncanakan mencapai kata sepakat (Suhana et. al., 2016)

Bersifat amanah menjadi kayu uku menentukan keberkesanan seorang pemimpin yang berkait rapat dengan ketakwaan kepada Allah SWT. Menifestasi dari sifat amanah akan mewujudkan organisasi yang bermatlamatkan kejayaan dunia dan akhirat (Abdullah Ibrahim, 2015). Pemimpin yang berkesan wajar mempunyai kepintaran, kejujuran, integriti, menjadi role model, muhasabah diri, taat, motivasi, dan bertanggungjawab.

2.2 Ikutan

Prinsip kejayaan menurut Azman (2010) bahawa pengurusan yang menuju kejayaan (al-falah) berjaya memenuhi tuntutan syarie dengan memelihara organisasi agar mendapat keberkatan dan keredaan Allah SWT. Islam meletakkan pemimpin sebagai tunjang pemuafakatan dalam organisasi melalui ikutan (role model) yang diterjemahkan sama ada melalui pertuturan, perbuatan atau sikap sendiri (Husna, 2013). Pemimpin perlu menetapkan matlamat sehingga terlaksana menurut dorongan ke arah kebaikan dunia dan akhirat. Kemampuan pemimpin mengendalikan organisasi adalah berasaskan pengetahuan mendalam tentang bidang yang diamanahkan kepada mereka (Sapthuyah, 2012). Firman Allah bermaksud: “Dan Dialah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian (yang lain) beberapa darjat, untuk mengujimu tentang apa yang diberikan-Nya kepadamu. Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat siksaan-Nya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang” (al-An’am:65). Konsep khalifah ini menyebut bahawa pemimpin mencakupi kehendak dirinya selaku pemimpin sentiasa mengarahkan dirinya ke arah kebaikan dan saling menjadikan dirinya ikutan (role model) terunggul.

2.3 Muhasabah diri

Hubungan baik sesama manusia membentuk pengabdian diri kepada rahmat Allah SWT. Keikhlasan dalam perhubungan disertakan oleh sifat empati serta saling memahami kelemahan dan kekurangan individu selain mendapat kerahmatan Allah SWT. Pemimpin perlu melalui kritikan dan penambahbaikan diri dengan bermuhasabah diri ke arah kebaikan (Jaafar, 2012). Ciri mukmin sejati dalam mencapai amanah sebagai pemimpin ditunjukkan oleh Rasulullah SAW sebagaimana penegasan dalam maksud firman Allah SWT: “Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah SAW teladan yang baik bagimu iaitu bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan kedatangan Hari Kiamat dan Dia banyak menyebut Allah SWT” (al Ahzab: 21).

2.4 Taat

Pemimpin (ulil Amri) dilantik mengurus segala urusan umu dalam organisasi, sehingga kedudukan mereka ditinggikan untuk ditaati. Begitu juga tuntutan Islam agar pemimpin hendaklah mentaati ajaran dan menjauhi larangan Allah SWT. “Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya”. (al-Nisa:59). Maka ketaatan kepada Allah Taala akan dipertanggungjawabkan sebagai amanah yang utama terhadap pemimpin. Maksud firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya: 73 “Kami telah menjadikan mereka itu sebagai pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah Kami dan Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebajikan, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, dan hanya kepada Kami-lah mereka selalu menyembah”.

2.5 Motivasi

Kepimpinan merupakan kemampuan seseorang meyakinkan orang lain menyalurkan kerjasama secara sukarela untuk melaksanakan bidang yang diceburi (Harfin Zuhdi, 2016). Dorongan ini sangat penting menjana kepimpinan yang mantap serta progresif (Suhana *et al.*, 2016) sebagaimana maksud firmah Allah SWT “Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma’ruf dan mencegah dari yang mungkar, merekalah orang-orang yang beruntung”. (Ali Imran:104). Islam menganjurkan kepimpinan yang mencakupi soal keduniaan dan akhirat, ibadah, dan keesaan kepada yang Maha Khaliq (pencipta) Hasan al-Banna (2006) menegaskan tiada perbandingan kewajipan ke atas setiap muslim dalam urusan kehidupan bermasyarakat iaitu memerlukan kepimpinan, khalifah, imam atau uli al-Amri. Justeru itu, jelas menunjukkan konsep amanah dalam kepimpinan memandu individu menegakkan kebenaran serta meningkatkan motivasi untuk mencapai kepimpinan yang menteladani Rasulullah SAW.

2.6 Bertanggungjawab

Menurut Yahaya (*et. al.* 2010) kepimpinan Islam menekankan sikap saling bertanggungjawab bagi meneguh dan mengukuhkan kondisi kesejagatan ummah dalam menghadapi cabaran kehidupan sebagaimana ketetapan dan tuntutan Allah SWT terhadap peranan umat Islam yang dikategorikan sebagai umat terbaik iaitu yang sentiasa berusaha untuk melaksanakan kebaikan dan mencegah kemungkaran (ali-Imran 3: 110). Kepimpinan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW ialah kepimpinan yang wujud daripada semangat al-Quran iaitu diterjemahkan melalui tingkah laku baginda berdasarkan perintah dan larangan Allah SWT (Zakiah, 2014). Sementara Suhana *et. al.*, (2015) dan Abdullah (2014) menegaskan sifat pemimpin menurut Islam adalah dari kalangan yang adil, bertanggungjawab, bertimbang rasa, jujur serta komited terhadap tugas yang melibatkan kebajikan orang yang berada di bawah jagaannya sama ada dengan memberi dorongan atau sokongan kepada mereka. Firman Allah SWT bermaksud ”Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat” (al-Nisa:58). Manakala Jack Welch (2013), menegaskan bahawa sikap bertanggungjawab dapat menentukan kejayaan masa hadapan seseorang individu dengan daya usaha yang digableng sama ada melalui bakat dan kebolehan yang ada atau kemahiran yang dipelajari menerusi organisasi pimpinannya. Usaha melaksanakan tanggungjawab yang dijanakan dalam organisasi menjadi penentu kejayaan dan kecemerlangan kepimpinan di samping manfaatnya terhadap peningkatan kerja.

Perilaku dan sahsiah umat yang mendokong kecintaan terhadap syiar Islam dan kesungguhan sebagai khalifah yang dipertanggungjawabkan di muka bumi ini sewajarnya mengambil intipati kepimpinan Rasulullah SAW serta para sahabat yang mengutamakan amalan syura secara istiqamah.

3.0 PERSOALAN KAJIAN

- a) Sejauh manakah potensi amanah dalam kalangan organisasi berdasarkan pelaksanaan amalan syura dalam kepimpinan guru besar?
- b) Apakah konstruk amanah berpandukan amalan seharian guru-guru?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian sebagai suatu langkah terbaik dalam merancang sebuah penyelidikan bagi menjamin kesahan, kebolehpercayaan dan kesimpulan yang didapati daripada data yang dikumpulkan (Adibah, 2013; Clifton dan Serlin, 2006). Kaedah bagi kajian ini berbentuk kuantitatif yang mengandungi responden sebanyak 200 orang guru dalam kalangan guru agama di daerah Johor Bahru selaku tenaga pendidik sekolah bergred A. Kaedah ini dipilih bagi menganalisis elemen keterbukaan dalam amalan syura yang menjadi peramal terhadap komitmen kerja guru dan meninjau kepentingan elemen keterbukaan dalam kepimpinan pendidikan. Responden atau persampelan yang dipilih adalah berdasarkan sekolah bergred A di daerah Johor Bahru seperti cadangan oleh Pegawai Pejabat Pendidikan Islam Johor.

Borang soal selidik yang diedarkan terus kepada responden dan dijawab selang tiga hari telah diserahkan kembali untuk mengumpul data. Mohd Najib (2007) dan [Patton \(2002\)](#), menyatakan bahawa kaedah tinjauan soal selidik merupakan satu kaedah yang amat mudah, tepat dan cepat untuk mendapatkan maklumat secara lintas lalu melalui sekali kutipan sahaja.

5.0 INSTRUMEN KAJIAN

Pengukuran kajian menggunakan instrumen soal selidik iaitu diguna dan dibangunkan oleh berasaskan teori kepimpinan Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah, Sirah nabawiyah dan [Ibn Taimiyyah \(1992\)](#). Menurut Mohd Najib (1999), pengkaji boleh menggunakan instrumen (soal selidik) yang telah dibina dan diguna oleh penyelidik lain dengan memastikan ianya mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

5.1 Kesahihan Data

Analisis kesahihan data juga sebagai teknik validasi terhadap data yang dikutip menggunakan instrumen soal selidik dalam kajian yang dijalankan. Menurut Creswell (2013) bahawa teknik validasi harus didiskripsikan secara jelas dan terperinci bagi mengukur kesahihan data berkaitan soal selidik. Manakala Ebel, (2005) menyokong hal ini menyatakan analisis kesahihan data bertujuan mengetahui kesahan dan kesahihan data melalui pengukuran keberkesanan instrumen soal selidik, selain menentukan sama ada setiap item soal selidik adalah mewakili dimensi kerangka kajian (Lokman, 2007; Handy & Bryman 2004). Analisis kesahihan data digunakan bagi menghasilkan keputusan kesahihan data seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1:

Jadual 1: Analisis Ujian Kesahihan Data

Pembolehubah	Jumlah Item	KMO	Ujian Bartlet	Status
			(Nilai-p)	
Amalan Syura	25	0.912	3054.323 (0.000)	Signifikan
Amanah	5	0.819	517.316 (0.000)	Signifikan
Keseluruhan	50	0.891	6194.459 (0.000)	Signifikan

n: 200

Sumber: Arbuckle (2005)

Jadual menunjukkan keputusan penilaian analisis kesahihan data elemen yang digariskan adalah; amanah (0.819) pada aras tinggi.

5.2 Penemuan dan Perbincangan

1. Analisa Regresi Berganda

Jadual 2 menunjukkan analisis regresi bagi amalan sebagai elemen amalan syura. Keputusan nilai-p 0.002 menunjukkan kurang dari 0.05. Hubungan antara kekerapan amanah dalam amalan syura adalah signifikan. Ini bermakna hipotesis H015 berjaya ditolak.

Jadual 2: Analisis Regresi Berganda Antara Amanah Dengan Amalan Syura

Hubungan	Sig.(nilai-p)	Tahap
Amanah	0.002	Signifikan

n=200

2. Korelasi Amanah sebagai elemen amalan syura

Dapatan hasil analisis hubungan amanah dalam amalan syura berdasarkan Jadual 3 menunjukkan nilai $p=0.000$, iaitu kurang daripada $\alpha=0.01$. Maka, hipotesis nol adalah ditolak. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara amanah dengan amalan syura yang dilaksanakan dalam kepimpinan guru besar dengan nilai pekali korelasi (r) yang diperolehi sebanyak 0.373 dan ini bermakna hubungan tersebut adalah tinggi, manakala nilai pekali korelasi (r) positif menunjukkan hubungan antara amanah dalam amalan syura adalah hubungan secara langsung.

Jadual 3: Analisis Hubungan Amanah

Elemen amalan Syura	N	Keofisien Korelasi (r)	Signifikan (p)	Kekuatan
Amanah	200	0.373	0.000	Tinggi

n=200

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan syura dalam kalangan guru besar wajar diaplikasi berasaskan konstruk amanah (ikutan, muhasabah diri, taat, motivasi, dan tanggungjawab). Sifat amanah pemimpin mewujudkan amalan syura yang konsisten dalam pentadbiran guru besar. Sebagaimana surah al Baqarah 2:197 menyebut maksudnya, “Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui Allah; dan hendaklah kamu membawa bekal dengan cukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri (dari keaiban meminda sedekah); dan bertaqwalah kepadaKu wahai orang yang berakal (yang dapat berfikir dan memahaminya).” Oleh yang demikian, perlu penetapan prinsip amalan syura yang konsisten dalam bidang pendidikan supaya terus cenderung ke arah kepimpinan Islam yang berasaskan al-Quran dan Sunnah. Hasil penilaian guru turut memberi gambaran mereka amat bersetuju nilai-nilai kepimpinan yang positif diamalkan dalam kalangan guru besar. Malahan, guru juga didapati bersedia dan sentiasa menjalankan tugas yang diberikan tanpa perlu paksaan. Kecemerlangan yang ditunjukkan dalam kepimpinan guru besar juga menjurus kepada peningkatan pendidikan di sekolah dari semasa ke semasa.


Selaku guru besar yang mentadbir sekolah, sudah tentu panduan dan kaedah dalam membina hubungan organisasi di sekolah diperlukan. Analisa kajian ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk tujuan model kepimpinan yang diharapkan serta dapat dijiwai oleh guru besar dalam merencana prestasi pendidikan yang gemilang.

6.0 KESIMPULAN

Dapatan analisis mendapati pencetus pelaksanaan amalan syura melalui sifat amanah yang menjadi sandaran pemimpin pendidikan. Data ini disokong oleh kajian Mohd Hafiz (2013) bahawa setiap amanah menjadi keutamaan kepimpinan. Keberkesanan komunikasi dua hala dalam organisasi membentuk persefahaman dan memastikan setiap pandangan dan keputusan yang dibuat membawa kepada kebaikan.

Sesungguhnya, setiap perilaku kepimpinan menjadi daya tarikan dan momentum ke arah pencapaian prestasi kecemerlangan organisasi terutama dalam institusi pendidikan. Berdasarkan kerangka asas syura yang dibina, menambah baik pelaksanaan syura di sekolah.

Natijah amalan syura yang dilakukan oleh guru besar didorong sifat amanah terhadap tugas sebagaimana dapatan analisis menunjukkan guru besar menjadi ikutan (role model), muhasabah diri, taat, motivasi, tanggungjawab dalam kepimpinan organisasi. Sifat amanah menjadi asas kepada keperibadian yang unggul bagi kepimpinan guru besar dengan sikap kesungguhan terhadap apa juga yang diamanahkan kepadanya terutama perintah Allah SWT atau amanah terhadap ahli pimpinannya (an-Nisa 4:58). Sebagaimana Rasulullah SAW menjelaskan bahawa hamba yang melaksanakan amanahnya akan disukai Allah SWT (al-Tabrani 1983:20232). Ibnu Taimiyyah (1971), jelas menegaskan bahawa seseorang pemimpin perlu melaksanakan amanah yang diberikan mengikut ketetapan dan perintah Allah SWT tanpa melakukan kemudaratan atau berbuat kezaliman. Analisis ini menyokong kajian Celep dan Xilmaz (2012) bahawa sifat amanah pemimpin menjadi tunggak kepimpinan organisasi yang akan meningkatkan komitmen kerja dan menterjemahkan pencapaian prestasi pendidikan yang cemerlang.



Rajah: Kerangka Asas Syura Berkonsep Amanah

Sementara dapatan Camelia (2013) mendapati bahawa guru besar perlu mengutamakan sifat amanah dan berperanan menjadi pemimpin organisasi yang progresif bagi memastikan suasana sekolah di tahap kondusif dan efektif. Jelas menunjukkan amanah dalam kepimpinan berasaskan syura menjadi keutamaan bagi merealisasikan peningkatan pendidikan yang cemerlang. Sebagaimana kajian Hawa (2015) mendapati sifat amanah mempunyai signifikansi yang tinggi terhadap peningkatan kerja guru dan mendorong pencapaian pendidikan yang mapan.

Analisis kajian juga menunjukkan bahawa guru digalakkan membuat refleksi sendiri terhadap sifat amanah dalam melaksanakan pekerjaan. Refleksi bertujuan untuk memastikan sifat amanah diaplikasikan dalam melaksanakan tugas sebagai pendidik sama ada mencapai tahap kecemerlangan atau perlukan penambahbaikan. Ini penting bagi memandu arah kepada pendidikan sekolah yang berprestasi dalam pengajaran dan pembelajaran murid terutamanya. Dapatan ini disokong oleh Mohd Azrul (2012) bahawa setiap tugas yang dilakukan perlu disertakan refleksi bagi menyumbang idea yang bernas, manakala penghargaan perlu diberikan kepada pandangan yang diguna pakai demi meningkatkan kecenderungan ahli organisasi terutama terhadap kerjaya keguruan.

Dorongan membuat refleksi sendiri terhadap amanah, guru dapat berkongsi idea yang baharu demi kejayaan sekolah bersama komitmen kerja guru dan guru besar. Sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW bahawa baginda sering melakukan kolaborasi dan refleksi bersama para sahabat dalam bertukar pandangan dan pendapat terhadap amanah penyatuan ummah (Abu Urwah, 2001). Dalam surah Asy-Syams ayat 7-10 bermaksud: “Dan jiwa serta pemyempurnaan (ciptaannya) Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya. Sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan jiwa itu. Dan sesungguhnya merugilah orang-orang yang mengotorinya”. Begitu juga kajian Elsegeiny (2005) yang menyokong bahawa elemen kepimpinan Islam seperti saling mendorong, melakukan refleksi sendiri, memacu matlamat bersama, dan sentiasa menetapkan sifat amanah dalam organisasi yang akan memantapkan kepimpinan organisasi. Jelas menunjukkan bahawa guru besar sewajarnya mendorong organisasi melakukan refleksi sendiri terhadap sifat amanah dalam melaksanakan tanggungjawab di institusi pendidikan yang memberi natijah kepada percambahan idea dan menjana peningkatan komitmen kerja (Suhana et. al., 2015).

7.0 RUJUKAN

- Ahmad, A (2006). Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Sekolah Menengah. Tesis PhD, Pendidikan Islam: Universiti Pendidikan Malaysia.
- Al-Qaradhawi, Y. (2014). Fiqh Keutamaan, Keutamaan Seorang Muslim. Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Anuar, A., Hamid, S. A., Mohamad A. M., Shahri, M. H., Norman, N. I., Elias, Z. A. (2016). Analisis Korelasi Antara Elemen Amalan Syura Dengan Peningkatan Komitmen Kerja Guru Sebagai

- Wadah Kepimpinan Organisasi Pendidikan Yang Mapan. Kertas Kerja Seminar Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Islam (ISPEN-I 2016) bertarikh 21-22 Mei 2016 : Universiti Malaya: Auditorium Fakulti Pendidikan.
- Banna, H. (2006) Himpunan Risalah. Risalah Taalim.
- Fikri, M. Z. (2013). Nasihat-Nasihat Al-Quran Bagi anak dan Relevansinya Terhadap Metode Pendidikan Islam (Studi Tafsir Al-Maraghi Pada Qs An-Nisa ayat 36-39) Doctoral Dissertation. UIN Sunan Kalijaga)
- Hamid, S. A., Hamid, S. A., Mohamad A. M. (2015). Kertas Konsep Identifikasi Amalan Syura Dalam Kalangan Guru Besar dan Hubungannya Terhadap Komitmen Kerja Guru. Kertas Kerja Seminar Bahasa dan Pendidikan Antarabangsa (iLEC2015) bertarikh 7-8 Oktober: Universiti Sains Islam Malaysia, USIM / Negeri Sembilan
- Hamid, S. A., Hamid, S. A., Mohamad A. M., Sawari, S. S. (2015). Amalan Syura Sebagai Obligasi Kepimpinan Organisasi Pendidikan Abad Ke 21 Evolusi Berkonsepkan Kepimpinan Rasulullah SAW. Kertas Kerja The 2nd International Convention on Islamic Management (iCIM2015) bertarikh 4-5 November: Universiti Malaya.
- Hamid, S. A., Mohamad A. H, (2015). Kepimpinan Organisasi Pendidikan Berasaskan Syura Menurut Perspektif Islam. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (IsPEN2015) bertarikh 8-9 Jun: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Hassan, A. M (2010). Institusi Politik dalam Institusi-Institusi Islam. Fakulti Tamadun Islam (FTI). Universiti Teknologi Malaysia.
- Ibnu Taimiyyah, T.A.A. (1988). Al Siyasa Ashari'yah Fi Islah Arrai' Warrai'yah. Beirut: Dar Al-Kutob Al-Ilmiyah.
- Ibrahim, A. (2015), Kepimpinan Yang Berkesan. Jurnal Akademik (2003/2004) 14.92-96.
- Ibrahim, B. (1997). Ulama Pewaris Nabi, Sifat Dan Akhlak Serta Peranannya. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Ismail, S. (2010), Pembentukan Organisasi Cemerlang: Pandangan Islam Dalam Melantik Pemimpin. Jurnal Usuluddin, Bil 29 (2009) 207-220.
- Jasmi, K. A. (2010). Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, tidak diterbitkan
- Marjiri, S. (2012). Kepimpinan Beretika Dalam Organisasi. Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Diperolehi September 26, 2014 daripada <http://ptss.edu.my/jpg/index/artikal/>
- Mohamad, A. M (2013). Amalan Kepimpinan Islam Pengetua Dan Perkaitannya Terhadap Atribut Komuniti Pembelajaran Profesional. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia, tidak diterbitkan.
- Muhammad, J. (2010). Kelakuan Organisasi. Petaling Jaya: Leeds Publications (M) Sdn Bhd.
- Noor, I. (2007). Kepimpinan Nabi Muhammad SAW. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Omar, A. O. (2010). Pengurusan Di Malaysia Dari Perspektif Islam, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahman M. A. A.,Tahir, L. M. (2011). Orientasi Kepimpinan Pengetua Sekolah. Skudai: Penerbit Press UTM.
- Rosman, A. S. (2007). Islam dan Isu-Isu Semasa. Skudai: Pusat Pengajian Islam UTM.
- Safar, A. (2012), Pembinaan Instrumen Pentaksiran Akhlak Berasaskan Rakan Sebaya Pelajaran Sekolah Menengah. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, tidak diterbitkan.
- Wahab, H. A. (2013). Hubungan Pendekatan Nilai-Nilai Positif Guru Besar Terhadap Sahsiah Guru Di Sekolah Rendah Negeri Johor. Projek Ijazah Sarjana Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Sumber Ilmiah Tidak Diterbitkan.
- Yukl, G.A (2006). Leadership In Organizations. Prentice-Hall, Inc, Erylewood Cliffs, New Jersey.
- Zuhdi, M. H. Z, MA (2016) Konsep Kepimpinan dalam Prespektif Islam. Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Mataram. Akademika, Vol, 19. No 01, Januari 2016.